

# Kementerian susun semula pendekatan DPN3

BAH 24 SEP 2001

KOTA BHARU, Ahad - Kementerian Pertanian akan menyusun semula pendekatannya mengikut Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) bagi menjadikan sektor itu sebagai antara tiga penjana utama ekonomi negara.

Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi, berkata sektor itu diberi fungsi penting mengikut Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (OPP3), selain sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Katanya, kementerian yakin dengan kemampuan negara untuk menjadi pengeluar makanan penting selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Wawasan baru sektor pertanian negara adalah untuk memodenkan sektor pengeluaran makanan dan kementerian mensasarkan nilai jualan sebanyak RM81 bilion pada 2000 sehingga 2005.

"Sumbangan sektor tanaman pula sebanyak RM27 bilion, diikuti penternakan (RM26.5 bilion), perikanan (RM26 bilion) dan lain-lain sektor sebanyak RM1.5 bilion," katanya berucap pada perasmian Seminar Peluang-Peluang Pelaburan dan Pemasaran Industri Berasaskan Pertanian, di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Dr Ismail Ibrahim.

Katanya, kementerian mencatatkan jumlah import makanan sebanyak RM3.5 bilion pada 1985 dan meningkat kepada RM4.6 bilion pada 1990 serta RM7.7 bilion pada 1993.

Ketika itu, katanya, Mohd Effendi, negara mempunyai sumber kewangan kukuh manakala isu pengimportan tidak begitu ketara.

Bagaimanapun, katanya, krisis kewangan Asia yang turut melanda negara pada 1997 turut memberi kesan kepada jumlah import makanan negara.

"Dengan penurunan nilai ringgit negara, jumlah pengimportan mencecah RM10 bilion pada 1997 dan meningkat sedikit kepada RM10.85 bilion pada 1999.

"Angka ini terus mencatat pertumbuhan meyakinkan sehingga RM11.36 bilion tahun lalu," katanya.